


>> **Arnie lahir anak lelaki jam 4.30 petang**  
**disambut bidan kampung dan ditemani suami**

HARIAN METRO



## WAKTU SOLAT

DAERAH	SUBUH	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
KL/PUTRAJAYA	6.10	1.30	4.51	7.28	8.40
Petaling/Shah Alam	6.10	1.30	4.51	7.28	8.40
Gombak	6.10	1.30	4.51	7.28	8.40
Hulu Selangor	6.10	1.30	4.51	7.28	8.40
Hulu Langat	6.10	1.30	4.51	7.28	8.40
Sepang	6.10	1.30	4.51	7.28	8.40
Rawang	6.10	1.30	4.51	7.28	8.40
Sabak Bernam	6.12	1.32	4.53	7.30	8.42
Klang	6.12	1.32	4.53	7.30	8.42
Kuala Langat	6.12	1.32	4.53	7.30	8.42
N SEMBILAN	6.07	1.28	4.49	7.28	8.39
MELAKA	6.06	1.28	4.48	7.27	8.39



Dapatkan SMS waktu solat setiap hari!

Taip ON HMSS-jaralo-**DAERAH** dan kirim ke 33333. Contoh: ON HMSS SHAH ALAM

\* RM0.30/maj. Untuk henti, taip STOP HMSS dan kirim ke 33333. Perkhidmatan Pelanggan: 03-7803 4222 (Isnin-Jumaat, 9 pagi - 5 petang)

### PALING POPULAR



www.hmetro.com.my

- Ular kesayangan bawa maut
- 'Baby' dah keluar dulu...
- Tak sanggup ucap selamat tinggal
- 'Nur Aina, kau sentiasa dirindui...'
- Bau hangit api misteri

### VIDEO TERBARU



MetroTV

www.hmetro.com.my/mymetrotv



50 barang lebih murah



Lelaki 2,000 wajah



harianmetro



hmetromy



hmetromy



hmetro.com/myHMLive



hmetromy

# Tak sempat ke hospital

■ **Wanita Orang Asli bersalin atas pengusung ketika dibawa naik ke helikopter**

Ranli Ibrahim  
 news@nstp.com.my

## Gua Musang

Seorang wanita Orang Asli yang sarat mengandung bersalin di atas pengusung sebelum dibawa naik ke helikopter untuk diterbangkan ke Hospital Gua Musang (HGM) petang semalam.

Arnie Bah Leman, 30, tinggal di Kampung Pahong, Pos Bihai melahirkan anak lelaki jam 4.30 petang disambut bidan kampung dan ditemani suaminya, Iman Along, 35.

Pegawai Perhubungan Awam Unit Udara Jabatan Bomba Penyelamat Malaysia (JBPM) Pangkalan Subang, Penolong Penguasa Bomba Mohd Farhan Marzuki berkata, sebelum itu pihaknya menerima maklumat daripada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) Gombak jam 1 tengah hari, memohon penerbangan ihsan untuk membawa seorang wanita Orang Asli yang sakit hendak bersalin.

Katanya, pihaknya berlepas dari Pangkalan Udara Subang jam 3.15 petang dengan helikopter Agusta A109E yang dikemudi Penguasa Kanan Bomba 1, Roslan Aziz dan Timbalan Penguasa Bomba, Mohd Faizal Abd Latif.

"Penerbangan mengambil masa sejam sebelum tiba di kampung itu untuk mengambil pesakit terabit yang bersedia di rumahnya untuk dikejarkan ke HGM.

ARNIE ditemani Iman melahirkan anak atas pengusung sebelum menaiki helikopter penerbangan ihsan JBPM untuk ke HGM.



"Sebaik wanita itu diusung untuk menaiki helikopter, dia terus bersalin atas pengusung dan penduduk memanggil bidan kampung bagi urusannya menyambut bayi," katanya.

Menurutnya, pihaknya menunggu satu jam setengah untuk memastikan urusan melahirkan anak itu berjalan lancar.

"Selepas memastikan keadaan wanita dan bayi itu dalam keadaan baik dan sihat, kami berlepas balik ke Pangkalan Udara, Subang jam 6 petang," katanya.



Penerbangan mengambil masa sejam sebelum tiba di kampung itu untuk mengambil pesakit terabit yang bersedia di rumahnya untuk dikejarkan ke HGM"

Mohd Farhan Marzuki



HELIKOPTER Agusta A109E Unit Udara JBPM membatalkan penerbangan ihsan kerana pesakit melahirkan anak lebih awal.

## Kota Bharu

Buru suspek tipu wang pesara

Polis memburu suspek menyamar sebagai pegawai polis untuk memperdaya mangsa dalam kes Macau Scam di negeri ini.

Ketua Siasatan Jenayah Komersial Kelantan Superintendan Mohamed Zulmazi Che Daud berkata, polis menerima aduan terbaru daripada seorang pesara kerajaan berusia 62 tahun mendakwa ditipu RM224,800.53.

"Dalam kejadian pada 30 Januari lalu, mangsa mendakwa menerima panggilan telefon daripada seorang lelaki dipercayai ahli sindiket Macau Scam yang menyamar sebagai pegawai polis dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kedah.

"Lelaki itu memberitahu bahawa mangsa yang berasal dari Kota Bharu terabit dalam pengubahan wang haram dan wang itu dimasukkan ke dalam akaun Bank Islam mangsa.

"Mangsa diminta mengeluarkan semua wang dari akaun Tabung Haji dan masukkan ke dalam akaun Bank Islam.

"Kerana percaya akan kata-kata lelaki itu, mangsa memindahkan wang RM224,800.53 secara berulang sebanyak empat kali ke akaun terabit," katanya.

Zulmazi berkata, mangsa menyedari wang yang dipindahkan itu tiada dan percaya suspek sudah mengambil wang itu.

"Mangsa membuat laporan polis untuk tindakan lanjut," katanya.